

16/12/1999

MCA gagal dapat jawatan Timbalan KM Kedua

GEORGETOWN, Rabu - Pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) menolak permohonan MCA untuk jawatan tambahan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, kata Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Sehubungan itu, beliau mengekalkan status quo barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (exco) iaitu MCA dua orang, manakala Umno dan Gerakan empat (termasuk Ketua Menteri) dan satu MIC.

Katanya, keputusan menolak tuntutan MCA itu dibuat selepas perbincangan diadakan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau melantik Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Teluk Bahang, Datuk Dr Hilmi Yahaya sebagai Timbalan Ketua Menteri, menggantikan Datuk Mohd Shariff Omar yang kini Timbalan Menteri Pertanian.

Koh memberitahu sidang akhbar selepas mengumumkan senarai exco Pulau Pinang di sini hari ini, Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum meminta supaya tidak dilantik sebagai ahli exco.

MCA sebelum ini mengemukakan permohonan kepada pemimpin tertinggi BN supaya memperuntukkan jawatan tambahan itu berdasarkan kejayaannya memenangi semua sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum akhir bulan lalu.

"Semua pihak menyerahkan kepada pucuk pimpinan tertinggi BN untuk membuat keputusan, dan keputusan itu telah pun dibuat. Tiada alasan lagi bagi semua pihak untuk tidak menerima keputusan itu," kata Koh.

Koh menjelaskan, ketiadaan Dr Sak dalam senarai exco itu adalah atas permintaan beliau sendiri dan keputusan itu dibuat hasil perbincangannya (Sak) dengan MCA.

Sementara itu, Dr Sak dalam sidang berasingan berkata, MCA Pulau Pinang menerima keputusan pucuk pimpinan BN Pusat itu walaupun kecewa kerana gagal mendapatkan jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua dan tambahan kerusi Exco.

Beliau berkata, mereka kecewa kerana gagal memenuhi aspirasi dan tuntutan ahli serta pengundi yang menyokong MCA dalam pilihan raya umum lalu.

"MCA negeri tidak menyesal mengemukakan tuntutan itu walaupun mengundang pelbagai kontroversi kerana kami sudah menyampaikan hasrat mereka kepada pucuk pimpinan BN Pusat.

"Saya dapat rasakan ramai ahli kecewa dengan keputusan itu kerana ahli dan pengundi MCA mahukan kami mendapat tanggungjawab yang lebih besar sesuai dengan sokongan yang diberikan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan MCA negeri, di sini hari ini.

Dua jawatan exco MCA dipegang Adun Bukit Gelugor, Datuk Koay Khar Huah dan muka baru, Adun Paya Terubong, Dr Loh Hock Hun.

Ditanya sama ada benar beliau (Dr Sak) sendiri meminta namanya tidak disenaraikan sebagai ahli exco seperti yang diumumkan Koh, Dr Sak berkata, terpuang kepada media membuat tafsiran.

"Sebelum ini ada juga yang menyatakan bahawa saya akan meletak jawatan sebagai Pengerusi MCA negeri...ada yang kata atas sebab kesihatan jadi ia terpuang kepada anda (wartawan) untuk membuat spekulasi," katanya.

Ditanya hubungan MCA dan Gerakan di negeri ini, Dr Sak berkata secara peribadi beliau tidak ada masalah untuk bekerja dengan Gerakan walaupun wujud sedikit keretakan berikutan isu itu.

Sehubungan itu, beliau meminta semua ahli MCA khususnya Adun untuk terus

bekerja kuat dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Dalam sidang akhbaranya, Koh ketika ditanya mengenai perkara itu, yakin hubungan renggang antara Gerakan dan MCA kembali pulih.

"Kita seperti adik beradik dalam satu keluarga, ada kalanya bergaduh tetapi saya percaya keadaan akan bertambah baik. Secara peribadi saya tidak ada masalah dengan Dr Sak dan kami boleh bekerjasama.

"Malah, secara peribadi saya sedih kerana Dr Sak kini tidak lagi dalam exco. Beliau seorang ahli politik yang baik dan komited dalam tugasnya," katanya.

(END)